

16 FEB 2004
ERICSSON-RASUAH
ERICSSON SOKONG USAHA PERANGI RASUAH

CYBERJAYA, 16 Feb (Bernama) -- Presiden Ericsson Asia Tenggara, Mats H Olsson hari ini memuji usaha tegas kerajaan di bawah pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memerangi rasuah.

Olsson, yang juga pengurus negara bagi Ericsson Malaysia berkata usaha padu kerajaan tersebut jelas menunjukkan keazaman tinggi mereka untuk membanteras gejala rasuah di negara ini.

"Kami menyokong penuh usaha itu. Ia akan membantu memudahkan urusan syarikat-syarikat multinasional," katanya pada satu taklimat media di sini untuk memaklumkan perkembangan terkini tinjauan perniagaan syarikat bagi Malaysia dan Asia Tenggara.

Ericsson, pembekal terbesar prasarana telekomunikasi mudah alih di dunia telah membuka Ericsson@MSC yang bernilai RM80 juta, di sini, yang menempatkan Ericsson Malaysia dan ibu pejabat serantau Asia Tenggara Ericsson.

Bekas perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan pembukaan bangunan itu pada Julai tahun lalu.

Olsson juga memuji langkah kerajaan memperuntukkan insentif dan menyediakan kemudahan kelas pertama untuk menyokong syarikat multinasional menempatkan diri mereka di Cyberjaya, bandar pintar yang menjadi nuklues projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Mengenai unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia pada enam hingga tujuh peratus tahun ini, beliau berkata Ericsson berminat membuat pelaburan tambahan di negara ini.

"Ya, tidak ragu-ragu lagi saya rasa kejayaan perniagaan yang kami kecapai sekarang dan kejayaan yang ingin kami capai dan pastinya pelaburan di negara ini, akan diteruskan," katanya.

Pada 2003, Ericsson, pembekal utama semua pengusaha telekomunikasi mudah alih di Malaysia telah dilantik sebagai rakan kongsi prasarana utama Maxis bagi 3G (sistem mudah alih jalur lebar generasi ketiga). --

BERNAMA

MAD SD ZK